

01/11/1997

BHC belum tunai janji RM5 juta

KUCHING, Jumaat - Tabung Amanah Bakun (TAB) masih belum menerima pembayaran RM5 juta yang dijanjikan oleh Bakun Hydroelectric Corporation Sdn Bhd (BHC), anak syarikat Ekran Berhad, kepada tabung itu pada Ogos tahun lalu.

Pengerusi tabung berkenaan, Dr James Jemut Masing, berkata sejak tabung itu diwujudkan tahun lalu, hanya RM10 juta diterima iaitu masing-masing RM5 juta daripada kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

"Kegagalan BHC menunaikan janjinya bukan sahaja boleh menjejaskan nama baik syarikat itu di negeri ini, malah di seluruh negara. Keputusan kerajaan menangguhkan pelaksanaan projek itu bukan alasan kepada BHC untuk tidak menunaikan janji," katanya selepas melancarkan penerbangan tanpa henti Kuching-Perth, Penerbangan Malaysia (MAS) di sini.

TAB yang diwujudkan dengan dana RM15 juta dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sibu, pada 7 Ogos tahun lalu. Ia bertujuan menjaga kebajikan penduduk di Belaga, khususnya yang terbabit dalam pelaksanaan projek empangan berharga kos RM13.6 bilion itu.

Tabung itu bertanggungjawab menyediakan bantuan kewangan kepada penduduk di daerah berkenaan, khususnya pelajar yang akan melanjutkan pelajaran dan mengikuti latihan kemahiran.

Dr Masing menggesa syarikat berkenaan mempercepatkan pembayaran kepada tabung berkenaan untuk dijadikan dana.

(END)